

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 SEPTEMBER 2023  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 5

### 'Keputusan dibuat selepas padu diuji'

Subsidi bersasar dilaksana penuh tahun depan

# 'Keputusan dibuat selepas Padu diuji'



Oleh RASDAN AHMAD

**KUALA LUMPUR** — Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, kerajaan menjangkakan Program Subsidi Bersasar akan dapat dilaksana sepenuhnya bermula 2024.

Jelasnya, pelaksanaan tersebut dijangka selepas Sistem Pangkalan Data Utama ('Padu') dijangka melalui tempoh percubaan mulai November ini, sebelum dibuka kepada orang ramai pada Januari 2024 untuk kegunaan pengesahan maklumat

peribadi.

"Selepas Padu diuji dan disahkan, dengan kita mencapai sasaran maklumat isi rumah sudah berada sepenuhnya di dalam sistem, maka itu akan membolehkan kerajaan membuat keputusan bila hendak mulakan subsidi bersasar.

"Kalau kita lihat garis masa itu, Padu sudah diuji dan dibuka kepada orang ramai dalam Januari 2024. Pandangan saya, Program Subsidi Bersasar akan mula dilaksana pada 2024," katanya pada sidang akbar di lobi Parlimen selepas selesai pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 di Dewan Rakyat semalam.

Dalam pada itu, ketika menyentuh kaedah dan mekanisme pelaksanaan katanya, sama ada ia menerusi pindahan tunai, berdasarkan pemberian kad khas atau agihan di pam stesen mi-

nyak, semua akan diputuskan dari semasa ke semasa.

"Keutamaan kita sekarang maklumat sosioekonomi isi rumah kena lengkap dulu dalam Padu. Itu lebih penting berbanding kita mahu guna kad pengeluaran ke, pindahan (kredit) terus ke akaun atau mahu pakai pam. Inilah fokus kita sekarang," katanya.

Pada 15 Mei lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersetuju menubuhkan Padu untuk menggabungkan maklumat sosioekonomi setiap isi rumah di negara ini bagi mempermudahkan pelaksanaan subsidi bersasar.

Kelman, Rafizi dilaporkan berkata, setakat ini, proses pembangunan sistem Padu yang menggabungkan maklumat sosioekonomi bagi setiap isi rumah rakyat Malaysia berjalan lancar mengikut garis masa dirancang.



RAFIIZI (dua dari kiri) bercakap pada sidang akbar di lobi Parlimen selepas selesai pembentangan Kajian Separuh Penggal RMK-12 di Dewan Rakyat semalam.